



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

Bandar Baru Tunjong,
16010 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-741 8000
Faks : 09-748 2554
Laman Web : jpnkelantan.moe.gov.my

Rujukan Tuan :
Rujukan.Kami : JPNKN.600-3/5/2 Jld 2 (72)
Tarikh : 04 April 2023

Puan Norhana Hamim
Pengarah Petrosains
The Discoveri Center
Petrosains Sdn.Hhd
Tingkat 4 Suria KLCC
Menara Berkembar Petronas
50888 Kuala Lumpur

Tuan,

KEBENARAN BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2023

Dengan segala hormatnya saya merujuk surat permohonan daripada PETROSAINS bertarikh 16 Mac 202 mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan (JPNK) telah menerima dan meneliti permohonan pelaksanaan program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPN Kelantan mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negeri Kelantan.
3. Walau bagaimanapun, berikutan kesan penularan jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19) yang melanda seluruh dunia, penjarakan fizikal merupakan salah satu prosedur yang perlu dipatuhi dalam normal baharu. Ini menyebabkan banyak program khususnya aktiviti kokurikulum tidak dapat dilaksanakan seperti kebiasaan.
4. Sehubungan dengan itu, pihak JPN Kelantan mengambil maklum akan permohonan tuan serta **tiada halangan Program Petrosains RBTX Challenge dijalankan sebagai aktiviti kokurikulum**. Surat maklum balas ini perlu dibaca bersama Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010 serta mematuhi Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Sukan dan Kokurikulum KPM dan *Standard Operating Procedure* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut :
 - 4.1 pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang berkenaan
 - 4.2 semua murid yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini ;
 - 4.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis dari ibu bapa / penjaga;

...2/-

- 4.4 pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapat kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan ;
- 4.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapat sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan ;
- 4.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) / Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) / program / aktiviti sekolah ;
- 4.7 pihak penganjur perlu mengemukakan **deraf poster / gantung / hebahan digital/ sijil** untuk semakan Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan ;
- 4.8 pihak penganjur disarankan untuk melaksanakan aktiviti secara dalam talian menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform seperti *WhatsApp, Instagram, Facebook, Telegram* / aplikasi lain seperti *Google Meet, Zoom* atau *Google Classroom* yang membolehkan interaksi dua hala berlaku dan bersemuka secara dalam talian / maya ;
- 4.9 selaras dengan pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuatkuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon agar memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum / semasa / selepas program berlangsung ;
- 4.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah serta sekolah yang terlibat ;
- 4.11 penggunaan logo JPN Kelantan tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN Kelantan berserta dokumen lengkap kepada **Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan selepas mendapatkan maklum balas / surat sokongan permohonan penganjuran program ini** ;
- 4.12 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum / semasa / selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain*) ;

4.13 bagi tujuan pengiktirafan program, pihak penganjur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program (Lampiran A)** yang dijalankan kepada **Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Kelantan** tidak lebih 30 hari selepas tamat program ; dan

4.14 JPN Kelantan berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan pada masa akan datang.

5. Maklum balas penganjuran program ini **hanya** untuk **PETROSAINS** yang akan melaksanakan **program yang telah tersenarai** . Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPN Kelantan.

6. Pihak tuan adalah dimohon untuk mengemukakan Surat Setuju Terima (rujuk Lampiran B) kepada pihak JPN Kelantan dalam masa dua (2) minggu selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh berhubung dengan **En. Abd Wahab bin Muhammad** di talian **09-7418738 / 013-9222898** atau melalui emel **a.wahab@moe.gov.my**, **Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan** sedia membantu untuk memberikan penjelasan lanjut.


Kerjasama tuan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MASHADI BIN DATO' HJ MUSTAFA B.S.K., A.S.K.)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan

s.k.: - Pengarah Pendidikan Kelantan
- Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Kelantan